

Nomadisme Politik Sabah

MENURUT Mohd Hisham (2018), tindakan segelintir penggubal undang-undang (*legislator*) di peringkat parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) yang melompat parti sama ada kerana kelangsungan politik atau kerana berpegang pada prinsip sebagai tindakan nomadisme politik.



Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat nomad sering berpindah-randah untuk mencari kehidupan yang lebih baik sama ada kerana kepentingan diri atau kumpulan yang disertai.

Di Malaysia, istilah lompat parti kebiasaannya dalam konotasi negatif seperti "katak politik" atau beberapa istilah lain. Di Amerika Syarikat, tindakan melompat parti disebut dengan istilah yang lebih lunak, iaitu *realignment*. Beberapa istilah lain yang digunakan seperti *party switching*, *crossing the floor*, *jumping the party ship* dan *party hopping*. Di Barat, tindakan nomadisme politik dikaitkan sebagai individu yang tidak berintegriti kerana mengkhianati amanah yang diberikan oleh rakyat setelah mereka memilih melalui pilihan raya. Sebaliknya, jika mereka tidak bersetuju terhadap sesuatu dasar parti yang disertai, mereka lebih rela meletakkan jawatan dengan menyerahkan kepada rakyat untuk membuat keputusan berbanding

dengan melompat parti. Di Malaysia, sekalipun undang-undang membenarkan nomadisme politik, tetapi mereka yang mengamalkan nomadisme terdorong kepada kelangsungan politik berbanding dengan prinsip yang dipegang.

Keabsahan penggubal undang-undang yang melompat parti menjadi lebih jelas berdasarkan keputusan kes DUN Kelantan melawan Nordin bin Salleh pada tahun 1992 apabila Mahkamah Persekutuan memberikan kemenangan kepada Nordin kerana Perkara 10 (1) (C) memberikan hak kepada mana-mana individu untuk berpersatuan. Dalam pada itu, Perkara 4 (1) menetapkan peraturan XXXIA Undang-undang Tubuh Kelantan yang membatalkan status mana-mana ADUN yang melompat parti.

Politik Sabah Pasca-PRU ke-14

Berdasarkan keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 di Sabah, Barisan Nasional (BN) di bawah

kepimpinan Tan Sri Musa Aman berjaya memperoleh majoriti mudah setelah berjaya memenangi 29 daripada 60 kerusi, manakala Parti Solidariti Tanah Airku (STAR) berjaya memenangi dua kerusi menjadikan 31 kerusi keseluruhan. Kemenangan ini membolehkan Musa mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri di hadapan Yang di-Pertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin, bagi penggal keempat pada 10 Mei 2018. Dua hari kemudian, iaitu pada 12 Mei 2018, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Sabah apabila Parti Warisan Sabah (WARISAN) yang berjaya memenangi 21 kerusi bersama-sama Parti Tindakan Demokratik (DAP) dengan enam kerusi, Parti Keadilan Rakyat (PKR) dengan dua kerusi, dan enam ADUN BN – empat daripadanya UMNO dan dua UPKO yang berpaling tadah menyokong Shafie menjadikan keseluruhan 35 kerusi.

Dalam menangani isu ini, Yang di-Pertua Negeri mempunyai hak prerogatif bertindak berdasarkan Perkara 10 (2) (a) Perlembagaan Negeri Sabah menjelaskan Yang di-Pertua Negeri berhak melantik mana-mana ADUN yang pada hematnya mendapat kepercayaan majoriti ahli dewan. Berpegang pada prinsip ini, Tun Juhar melantik Shafie sebagai Ketua Menteri dengan tidak mengadakan pilihan raya semula kerana telah pun memperoleh majoriti mudah. Sementara itu, berdasarkan Perkara 14 (1) (c) Perlembagaan Negeri Sabah, DUN berhak melantik tidak melebihi enam orang ADUN tanpa kawasan. Oleh itu, WARISAN melantik lima ADUN (ADUN dilantik).

Pascalangkah Sheraton

Pascalangkah Sheraton yang berlaku pada Februari 2020 menyaksikan jawatan Perdana Menteri diambil alih oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin. Perdana Menteri selaku Presiden

Parti Peribumi Bersatu (BERSATU) bersama-sama UMNO, PAS, dan 11 Ahli Parlimen PKR yang keluar parti, serta Gabungan Parti Sarawak (GPS) membentuk kerajaan Perikatan Nasional (PN).

Berdasarkan perubahan politik pada peringkat persekutuan, beberapa buah negeri seperti Johor, Melaka, Perak dan Kedah turut mengikut jejak langkah persekutuan apabila ADUN Pakatan Harapan menjadi ADUN Bebas serta mengisytiharkan sokongan kepada Kerajaan PN. Situasi sebegini memberikan harapan kepada Musa untuk mengorak langkah mendapatkan kembali kepimpinan Sabah yang diambil alih oleh Shafie melalui WARISAN.

Pada 18 Januari 2020, Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Kimanis diadakan yang menyaksikan kemenangan berpihak kepada calon UMNO (BN), Datuk Mohamad Alamin, yang berjaya menewaskan calon WARISAN, Datuk Karim Bujang, dengan majoriti yang lebih besar berbanding dengan pilihan raya sebelumnya. Musa juga mendapat momentum kedua apabila Mahkamah Tinggi menggugurkan kesemua 46 kes tuduhan rasuah dan pengubahan wang haram berhubung dengan kontrak konsesi balak di Sabah.

Berdasarkan dua momentum ini, Musa berusaha mendapatkan sokongan 32 ADUN yang lain untuk membentuk kerajaan bagi menggantikan Kerajaan WARISAN. Tindakan Musa tidak kesampaian apabila Tun Juhar, dengan nasihat Shafie melalui Perkara 10 (2) (b) Perlembagaan Negeri Sabah bersetuju membubarkan DUN Sabah sekali gus mengadakan PRN. Ekoran itu, pada 29 Julai 2020, Musa memfailkan semakan kehakiman bagi mengelak diadakan PRN. Mahkamah Tinggi yang bersidang pada 21 Ogos lalu membuat keputusan bahawa tindakan Tun Juhar yang bersetuju terhadap

pembubaran DUN adalah sah serta bidang kuasa beliau tidak boleh diadili.

Peristiwa Lalu, Pedoman Hari Ini

Di Sabah, isu nomadisme politik boleh dikategorikan kepada lima kumpulan utama. Pertama, nomadisme berlaku kerana pembubaran parti politik dengan semua ahli menyertai parti politik yang biasanya lebih dominan. Pada tahun 1967, Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu (UNKO) pimpinan Tun Fuad Stephens dibubarkan dengan semua ahli disarankan menyertai USNO pimpinan Tun Datu Mustapha. Sementara itu, pada tahun 1991, USNO pula dibubarkan dengan semua ahli disarankan menyertai UMNO yang menubuhkan cawangan di Sabah. Kedua, nomadisme berlaku disebabkan kelangsaan politik peribadi seseorang ADUN. Fenomena ini terjadi apabila ADUN melompat menyokong parti pemerintah sama ada Perikatan Sabah, BN, Pakatan Harapan (PH) atau Perikatan Nasional (PN). Ketiga, nomadisme juga berlaku disebabkan pujukan bagi pembentukan kerajaan yang memerlukan bilangan majoriti. Keempat, lompat parti berlaku kerana penubuhan parti politik yang baharu. Hal ini terjadi sewaktu penubuhan Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA), Parti Bersatu Sabah (PBS) serta beberapa parti lain di Sabah. Kelima, terdapat juga ADUN yang mengisytiharkan dirinya sebagai calon Bebas setelah timbul konflik dalaman parti atau bersifat sementara bagi memilih platform baharu.

Tindakan elit politik yang melompat parti untuk menubuhkan parti politik baharu menyebabkan tiga pemerintahan kerajaan Sabah berakhir dua penggal. Penubuhan Kerajaan Perikatan Sabah – UNKO, USNO dan Persatuan Cina Sabah (SCA) pada tahun 1963 berakhir apabila USNO bersama-sama SCA membentuk

Sewaktu parti memilih calon, bukan hanya kriteria calon bersifat boleh menang yang diutamakan tetapi yang lebih penting ialah calon yang berintegriti serta mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

kalangan ahli politik Sabah sehingga runtuhnya kerajaan PBS, sekalipun Tan Sri Joseph Pairin Kitingan telah mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri dan digantikan dengan kerajaan BN yang dipimpin oleh Tun Sakaran Dandai sebagai Ketua Menteri. Selepas pembentukan kerajaan BN Sabah pada tahun 1994 hingga tahun 2018, tidak ada ADUN Sabah yang melompat parti. Hal ini disebabkan wadah politik BN kukuh, iaitu berdasarkan komposisi majoriti dua pertiga.

Harapan Rakyat Malaysia

Rakyat Malaysia pada hari ini mahu akan suasana politik negara kembali aman lebih-lebih lagi negara masih berhadapan dengan pandemik COVID-19. Dalam PRN Sabah, semua pengundi perlu menunaikan tanggungjawab dengan sebaik-baik mungkin memandangkan kerajaan terpaksa membelanjakan sebanyak RM168 juta untuk PRN Sabah. Sewaktu parti memilih calon, bukan hanya kriteria calon bersifat boleh menang yang diutamakan tetapi yang lebih penting ialah calon yang berintegriti serta mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Bagi mengekang lompat parti pada masa hadapan, maka sudah tiba masanya Badan Perundangan Persekutuan menggubal undang-undang pencegahan yang terpakai di semua negeri. Selaras dengan kata-kata Abraham Lincoln bahawa demokrasi merupakan kuasa rakyat untuk rakyat, maka sewajarnya mana-mana ADUN atau ahli parlimen yang melompat parti perlu menyerahkan kembali kuasa memilih kepada rakyat.

Penulis ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu.

melakukan nomadisme politik dengan berhijrah kepada WARISAN.

Pascakemasukan UMNO ke Sabah menyaksikan USNO yang diketuai Tun Mustapha meluluskan resolusi membubarkan parti pada 21 Februari 1991 dengan semua ahli disarankan menyertai UMNO sebagai wahana baharu. Sekalipun Presiden UMNO, Tun Dr. Mahathir Mohamed menyarankan ADUN supaya bertahan dalam USNO, Tun Mustapha bertindak meninggalkan USNO dengan menyertai UMNO. Implikasi undang-undang yang diguna pakai ketika itu, iaitu mana-mana ADUN yang melompat parti, maka jawatan ADUN yang disandangnya akan gugur secara automatik. Tindakan Tun Mustapha menyebabkan Speaker DUN mengisytiharkan kerusi DUN Usukan dikosongkan dan pilihan raya kecil (PRK) diadakan pada 11 Mei 1991. Tun Mustapha yang mewakili UMNO memenangi kerusi tersebut setelah menewaskan Parti PBS.

Nomadisme beramai-ramai berlaku pada pasca-PRN Sabah 1994 dalam

kerajaan pada tahun 1967. Kerajaan USNO lumpuh setelah ditewaskan oleh BERJAYA dalam PRN Sabah 1976, walhal kebanyakan tokoh BERJAYA ialah bekas ahli USNO yang berpengaruh seperti Datuk Harris Salleh dan Tun Fuad. Tidak lama kemudian, pada tahun 1985, BERJAYA yang dipimpin oleh Harris hanya bertahan selama dua penggal (1976-1985) apabila tewas kepada PBS, setelah tokoh BERJAYA, iaitu Joseph Pairin Kitingan keluar parti untuk menubuhkan PBS. Begitu juga hayat PBS dalam tempoh penggal (1985-1994) apabila ramai pemimpin parti melompat menyertai parti komponen BN atau menubuhkan parti politik lain, seperti Parti Progresif Sabah (SAPP), Parti Liberal Demokratik (LDP), dan beberapa orang pemimpin yang lain turut menganggotai BN terutama dalam pasca-PRN Sabah 1994. Hal yang demikian juga dengan kelangsungan politik BN Sabah yang terhenti setelah lima penggal memerintah (1994-2018), apabila enam ADUN BN